

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA**  
**[ BATU ]**  
**TARIKH : 10 MAC 2015**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan memisahkan penjualan ubat dan perkhidmatan rawatan. Apakah sebab-sebab untuk pertukaran ini. Bolehkah pertukaran ini menjadi satu sebab kenaikan harga ubat-ubatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terima kasih atas soalan-soalan yang telah dikemukakan, di mana akhir-akhir ini sedang hangat diperbincangkan dan diperdebatkan. Ingin saya menyatakan di sini dan juga dalam beberapa kenyataan akhbar yang dibuat, bahawa Rang Undang-Undang Farmasi yang dicadangkan kini masih berada di peringkat pengubalan dan pelbagai sesi perbincangan sedang dan akan diadakan antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan pelbagai pihak berkepentingan. Oleh itu, tiada tempoh masa ditetapkan sehingga semua proses selesai dijalankan.

Untuk maklumat Tuan Di Pertua dan Ahli Dewan, beberapa perjumpaan telah dijadualkan bersama *stakeholders* yang berkepentingan, termasuk Pengamal Perubatan dalam Kementerian pada 24 Februari, Pengamal Perubatan Swasta pada 4 Mac dan kumpulan pergerakan pengguna yang berkaitan iaitu Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) pada 9 Mac. Ia akan disusuli dengan sesi perjumpaan dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain pada 16 Mac, Persatuan Farmasi pada 23 Mac dan dengan pihak Akademik pada 30 Mac.

Ingin saya maklumkan jua di sini bahawa kaedah pendispensen hanya adalah sebahagian daripada cadangan dalam Rang Undang-Undang Farmasi. Apa jua cadangan peruntukan yang akan dimuatkan dalam Rang Undang-Undang tersebut khususnya adalah untuk meningkatkan penjagaan pesakit agar penduduk menikmati kesihatan lebih terpelihara dengan mendapat akses dan penggunaan ubat-ubatan berkualiti, membendung kos sistem penjagaan kesihatan melalui pengurusan ubat-ubatan yang teratur dan sistem penjagaan kesihatan yang mapan melalui perkongsian dan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam penjagaan kesihatan.

Pandangan pengguna umumnya implikasi kos dan bebanan kepada pengguna akan diberi pertimbangan yang serius agar ia tidak menyukarkan pihak pengguna dan rakyat jelata. Ini termasuklah mengambil kira faktor geografi dan distribusi perkhidmatan, **hak memilih kepada pengguna** dan sistem pemantauan harga ubat. Semua ini akan dipertimbangkan setelah mendapat input daripada semua pihak yang berkepentingan. **Kepentingan orang awam dan pengguna akan diberi**

**keutamaan** dan oleh itu input dari pihak pengguna melalui perjumpaan dengan pergerakan pengguna adalah sangat penting.

Perlu ditegaskan sekali lagi, RUU ini akan bersifat holistik dan memberi tumpuan untuk mengukuhkan sistem pembekalan dan pemberian ubat antara lain meningkatkan penalti, memerangi pemalsuan, meningkatkan kecekapan dan penyeragaman dan pematuhan terhadap standard bagi memastikan akses kepada ubat yang berkesan, selamat dan kos-efektif.